

## BAB III


### METODOLOGI

#### 3.0 Pengenalan

Bahagian ini akan menerangkan secara mendalam tentang reka bentuk kajian, memberi gambaran profil pelajar, instrumen yang digunakan, kaedah pungutan data, teknik statistik yang digunakan dan penilaian skor.

#### 3.1 Rekabentuk kajian

Tujuan umum kajian ini adalah untuk mengkaji sikap pelajar di dalam pembelajaran bahasa Sepanyol secara deskriptif dan inferensi. Carta tatacara kajian ini dilaksanakan, dapat dilihat di dalam Rajah 3.0.



**Rajah 3.0 Tatacara kajian**

### **3.2 Lokasi dan Masa Kajian**

Kajian ini dilakukan di dalam bilik kuliah yang terdapat di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Masa yang dipilih oleh pengkaji bagi pengedaran soal selidik ialah semasa pelajar menjalani kuliah bahasa Sepanyol iaitu setengah jam sebelum kuliah berakhir. Pengkaji memutuskan untuk mengedarkan soal selidik kepada pelajar pada minggu ketiga terakhir sebelum peperiksaan akhir semester bermula.

### **3.3 Responden**

Sejumlah 73 orang responden terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri dari 30 orang pelajar Melayu, 30 orang pelajar Cina dan 13 orang pelajar India yang dipilih secara rawak. Pembahagian responden adalah tidak seimbang kerana mengikut statistik pengambilan pelajar BS pada semester tersebut hanya terdapat 13 orang pelajar India sahaja yang mendaftar untuk subjek ini secara keseluruhan.

Dalam kajian ini pengkaji tidak mengambil berat jantina responden. Ini kerana aspek gender adalah bukan salah satu tujuan kajian ini dilakukan. Kajian ini akan mengambil subjek dari tahap permulaan sahaja. Mereka berumur di antara 19-29 tahun (Apendiks C). Responden dipilih berdasarkan keinginan mereka untuk melibatkan diri dalam kajian ini. Responden mengikuti pelbagai bidang pengajian di UPM seperti pertanian, perhutanan, kejuruteraan, ekologi manusia, sains komputer dan teknologi maklumat, pengajian alam sekitar, sains dan teknologi makanan dan sebagainya (Apendiks C). Responden yang mengambil subjek ini disyaratkan tidak mempunyai apa-apa pengetahuan asas dalam BS. Subjek BS adalah sebagai subjek wajib, elektif atau audit. Responden harus mengambil subjek ini sebanyak tiga jam kredit. Sampel kajian ini akan dibahagikan mengikut etnik.

**Jadual 3.0 Pembahagian reponden mengikut etnik**

<b>Etnik kumpulan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Melayu	30	41
Cina	30	41
India	13	18
Jumlah	73	100%

Jadual 3.0 menunjukkan bahawa responden terdiri dari 30 orang pelajar Melayu, 30 orang pelajar Cina dan 13 orang pelajar India.

### **3.4 Instrumen**

Instrumen yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan data dalam kajian ini adalah soal selidik dan markah peperiksaan akhir semester responden. Menurut Hayes (2000) instrumen soal selidik dapat digunakan dalam kajian yang berkaitan dengan aspek psikologi seperti sikap dan motivasi kerana maklumat yang dikutip berbentuk fakta seperti tingkah laku manusia, pengetahuan, pengalaman dan pendapat. Penggunaan soal selidik didapati memudahkan data dikutip dalam tempoh yang singkat dan responden mudah memahami perkara-perkara yang dinilai berdasarkan persepsi, pendapat dan pengalaman sama ada di rumah, luar rumah atau di sekolah.

#### **3.4.1 Soal selidik**

Kajian ini menggunakan 15 item soal selidik yang diadaptasi dari '*Attitude and Motivation Test Battery*' oleh Gardner (1985) dan empat item lagi telah direka oleh pengkaji. Bagi mencapai objektif kajian ini hanya item tentang orientasi integratif, orientasi instrumental dan item motivasi (item keinginan untuk mempelajari bahasa, item kesungguhan motivasi dan item sikap terhadap pembelajaran bahasa) sahaja diguna pakai.

Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A dan B

(Apendiks B). Bahagian A mengandungi maklumat mengenai diri pelajar seperti jantina, umur, fakulti, kursus, nombor matrik, bangsa, tahap bahasa BS yang diikuti ketika ini dan status kursus. Bahagian B mengandungi lima item tentang orientasi integratif, lima item tentang orientasi instrumental dan sembilan item tentang motivasi. Set soalan soal selidik tersebut hanya mengandungi 19 item sahaja. Ini kerana jumlah pernyataan soal selidik yang terlalu banyak dan panjang akan menyebabkan pelajar berasa jemu dan bosan (Syed Arabi Idid, 2002). Malahan oleh kerana masa yang begitu terhad adalah lebih mudah sekiranya soalan tersebut adalah pendek dan ringkas.

Pelajar diminta untuk bersetuju atau tidak bersetuju ke atas setiap 19 kenyataan yang dibuat dalam setiap senarai soalan dengan menggunakan kaedah skala Likert dari sangat setuju hingga sangat tidak setuju. Skala Likert tersebut ialah:

- |   |   |                     |
|---|---|---------------------|
| 1 | = | Sangat tidak setuju |
| 2 | = | Tidak setuju        |
| 3 | = | Tidak pasti         |
| 4 | = | Setuju              |
| 5 | = | Sangat setuju       |

Istilah ini diperjelaskan kepada pelajar bagi memastikan pemahaman yang sepenuhnya. Pelajar diminta untuk menjawab kenyataan soal selidik dengan membulatkan pilihan mereka dalam ruangan yang disediakan.

#### **3.4.1.1 Komponen soal selidik**

Di dalam soal selidik bahagian B, item 1-19 dikategorikan kepada subskala. Tujuannya adalah untuk mengenalpasti orientasi dan motivasi responden di dalam pembelajaran BS dari tiga aspek iaitu orientasi integratif, orientasi instrumental dan motivasi (keinginan untuk mempelajari bahasa, kesungguhan motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa). Pengkaji telah mengadaptasi 15 item soal selidik dari

Gardner (1985) dan empat item lagi telah direka oleh pengkaji bagi kajian ini. Item dari Gardner (1985) ditandakan dengan (\*) dan item oleh pengkaji ditandakan dengan (●). Subskala bagi item-item tersebut dapat digambarkan di dalam Jadual 3.1.

**Jadual 3.1 Subskala bagi item soal selidik**

<b>Subskala</b>	<b>Item</b>
1) * keinginan untuk mempelajari BS	Saya akan mempelajari dan mengikuti kelas BS di universiti
2) ● orientasi integratif	Saya mengambil subjek BS kerana membolehkan saya memahami dan menonton filem Sepanyol dalam bahasa asal mereka
3) * orientasi instrumental	Saya mempelajari BS untuk mendapatkan pekerjaan yang baik setelah tamat pengajian
4) * keinginan untuk mempelajari BS	Saya dapati mempelajari BS adalah sangat menarik berbanding subjek lain
5) ● orientasi instrumental	Saya mempelajari BS untuk meningkatkan gred dan menamatkan pengajian saya
6) ● orientasi integratif	Saya mempelajari BS kerana nada bunyinya menarik
7) * keinginan untuk mempelajari BS	Saya ingin menggunakan kemahiran BS di dalam dan di luar kelas
8) * orientasi integratif	Kemahiran dalam bahasa BS membantu saya memahami budaya penutur masyarakat Sepanyol
9) * orientasi integratif	Menguasai BS membantu saya untuk berjumpa dan berkomunikasi dengan penutur natif BS
10) * orientasi instrumental	BS adalah salah satu bahasa asing yang penting di peringkat global maka saya akan memerlukannya di masa hadapan kelak
11) * orientasi instrumental	Orang lain akan menganggap saya seorang yang bijak jika saya mengetahui BS

12) * orientasi integratif	Saya mempelajari BS kerana ia membolehkan saya melibatkan diri di dalam aktiviti budaya komuniti BS
13) ● orientasi instrumental	Saya mempelajari BS kerana ingin mengunjungi negara yang menuturkan BS suatu hari nanti
14) * kesungguhan motivasi	Sekiranya terdapat rancangan yang berkaitan dengan BS di kaca televisyen saya akan menontonnya
15) * sikap terhadap pembelajaran BS	Saya berasa sungguh seronok mempelajari BS
16) * kesungguhan motivasi	Saya akan mendengar dan menghayati lagu BS sekiranya diputarkan di saluran radio
17) * sikap terhadap pembelajaran BS	Saya suka mempelajari BS
18) * kesungguhan motivasi	Saya akan mencari sumber tambahan lain tentang BS seperti di laman web tertentu
19) * sikap terhadap pembelajaran BS	Saya bercadang untuk mempelajari BS ke tahap yang seterusnya

Di dalam Jadual 3.1 subskala bagi item (1), (3), (4), (7), (8), (9), (10), (11), (12), (14), (15), (16), (17), (18) dan (19) adalah diadaptasi dari soal selidik Gardner (1985). Manakala item (2), (5), (6) dan (13) telah direka oleh pengkaji. Secara ringkas ia dapat dinyatakan dalam petunjuk di bawah.

- \* Diadaptasi dari Gardner (1985)
- Direka oleh pengkaji

**Lima item orientasi integratif:** adalah bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana pelajar menunjukkan minat semulajadi mereka untuk mempelajari, memahami dan mendekati diri ke dalam bahasa, budaya, komuniti dan cara kehidupan penutur natif bahasa sasaran.

**Lima item instrumental:** adalah menumpukan kepada pengukuran penyebab utilitari pelajar dalam mempelajari bahasa seperti meningkatkan gred dan memperolehi kerjaya yang baik.

**Sembilan item motivasi:**

- i) **Tiga item keinginan untuk mempelajari bahasa:** adalah untuk mengetahui sejauh mana tahap keinginan pelajar dalam mempelajari bahasa sasaran sama ada tinggi atau rendah.
- ii) **Tiga item kesungguhan motivasi:** bagi mengukur kesungguhan/ketekunan pelajar dalam mempelajari BS dan,
- iii) **Tiga item sikap terhadap pembelajaran bahasa:** bagi melihat sejauh mana sikap pelajar ke atas pembelajaran BS sama ada tinggi atau rendah.

### **3.4.2 Markah peperiksaan akhir**

Dalam kajian ini pengkaji akan memperolehi markah peperiksaan akhir semester daripada penyelar program kemahiran bahasa asing setelah keputusan peperiksaan tersebut diperakui oleh Ketua Jabatan dan Dekan. Pengkaji mengenalpasti markah responden melalui nombor matrik mereka. Setelah itu, markah tersebut dianalisis (Apendiks D). Analisis min digunakan bagi mencari purata secara keseluruhan gred peperiksaan dan tahap pencapaian bahasa yang diperolehi oleh responden.

### **3.5 Kajian rintis**

Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis dibuat ke atas 10 orang pelajar tahap satu yang mengambil subjek ini di FBMK, UPM. Kajian rintis ini memastikan sama ada pelajar dapat memahami maksud item-item dalam soal selidik. Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat sebarang kekeliruan pada item-item dalam soal selidik. Soal selidik telah diubahsuai dan diperbaiki berdasarkan jawapan pelajar.

### **3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Soal selidik ini bertujuan bagi menguji dimensi orientasi dan motivasi responden terhadap pembelajaran BS, mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi kerana majoriti item-item tersebut merupakan item yang diambil dan disesuaikan daripada soal selidik oleh Gardner (1985). Ujian kebolehpercayaan bagi keseluruhan item soal selidik ini memberi nilai alfa ( $\alpha$ ) kebolehpercayaan yang baik iaitu 0.732 iaitu melebihi nilai alfa 0.6 (Apendiks E). Ujian ini dapat memperlihatkan sejauh mana sesuatu kajian itu sah dalam cara pengukurannya dan sejauh mana kajian yang dijalankan itu boleh diharap dan tepat (Syed Arabi Idid, 2002).

### **3.7 Prosedur pungutan data**

Pengkaji meminta kebenaran dari pengajar untuk melakukan kajian ini. Ini adalah penting kepada pengkaji supaya dapat diterima sebagai seorang yang sedang menjalankan kajian dan tidak mengganggu waktu kuliah mereka. Pengajar memperkenalkan pengkaji kepada pelajar di dalam kelas dan menerangkan kepada mereka bahawa pengkaji sedang menjalankan kajian. Bantuan dari pengajar adalah amat penting bagi menggalakkan mereka memberi kerjasama terhadap kajian ini. Setelah mendapat kebenaran dari pengajar, barulah pengkaji menerangkan prosedur kajian yang akan dijalankan kepada pelajar

Pelajar diminta untuk membulatkan dan menandakan jawapan pilihan kepada kenyataan soal selidik dalam ruangan yang disediakan. Pelajar juga diminta untuk tidak menulis nama mereka di atas soal selidik. Pengkaji mengambil masa sebanyak lima minit untuk menerangkan prosedur kajian ini. Pelajar diberikan masa selama 10 minit untuk menyiapkan set soal selidik tersebut. Batasan masa ini adalah penting bagi membantu pelajar menumpukan perhatian kepada soal selidik yang diberikan. Pelajar juga digalakkan menanyakan soalan sekiranya terdapat sebarang kemusykilan. Pelajar juga dimaklumkan bahawa jawapan mereka tidak akan diketahui oleh pegawai di fakulti



tersebut dan tidak mempengaruhi gred peperiksaan mereka. Pelajar disarankan untuk mengajukan soalan sekiranya terdapat kenyataan yang tidak dapat difahami dan menjawab soalan dengan jujur. Jawapan pelajar juga tidak ada yang betul atau pun salah.

### **3.8 Kaedah penganalisan data**

Data yang diperolehi melalui soal selidik (Apendiks B) diproses dengan menggunakan perisian *The Statistical Package for Social Science (SPSS Version 14)* bagi mendapatkan analisis statistik seperti berikut:

- i. analisis peratus dan kekerapan,
- ii. analisis min dan sisihan piawai,
- iii. analisis korelasi iaitu Pearson ( $r$ ),
- iv. analisis *crosstabs*,
- v. analisis ANOVA (Analysis of Variance) dan
- vi. analisis ujian Pos Hoc ANOVA Tukey HSD

Analisis peratus, kekerapan dan min digunakan untuk melihat aspek orientasi dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran BS. Analisis min dan sisihan piawai juga diaplikasikan untuk mengetahui tahap pencapaian bahasa, gred peperiksaan, interpretasi hasil soal selidik dan merumuskan tahap orientasi dan motivasi responden.

Analisis korelasi ( $r$ ) pula digunakan untuk melihat pertalian dan hubungan di antara orientasi dan motivasi pelajar dengan pencapaian mereka di dalam peperiksaan. Tahap signifikan bagi korelasi dalam kajian ini ialah pada nilai  $\alpha$  0.05 ( $p < 0.05$ ). Seterusnya apabila disebut signifikan bermakna signifikan pada aras 0.05. Setelah itu, analisis *crosstabs* dijalankan bagi melihat gambaran perhubungan yang jelas di antara komponen orientasi dan motivasi pelajar dengan pencapaian BS mereka.

Bagi menguji perbandingan min orientasi dan motivasi oleh pelajar di antara tiga kumpulan etnik iaitu Melayu, Cina dan India, analisis ANOVA satu hala digunakan.

Kemudian, sekiranya hasil analisis ANOVA memaparkan perbezaan min yang signifikan maka, ujian Pos Hoc ANOVA Tukey HSD dilaksanakan. Ia bertujuan bagi menentukan kumpulan etnik mana yang berbeza secara signifikan. Dalam analisis ini signifikan statistik pada aras  $p < 0.05$  akan digunakan

### 3.8.1 Statistik Deskriptif dan Statistik Inferensi

Statistik deskriptif yang digunakan di dalam kajian ini ialah min, median, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan *crosstabs* yang bertujuan bagi ‘mengumpul data, membuat rumusan dan menyampaikan rumusan itu dalam bentuk yang senang difahami oleh kumpulan sasaran (Alias Baba, 1999:22).

Manakala statistik inferensi ialah analisis ANOVA, ujian Pos Hoc Tukey HSD dan Korelasi Pearson yang berfungsi untuk ‘membuat satu anggaran tentang satu indeks populasi dengan menggunakan satu indeks statistik dari satu sampel yang representatif. Dengan menggunakan indeks statistik dari sampel itu, kesimpulan tentang sifat sesuatu populasi boleh dibuat’ (Alias Baba, 1999:49).

### 3.9 Penilaian Skor

Nilai min digunakan bagi merumuskan tahap orientasi dan motivasi responden terhadap kenyataan yang diberikan dalam soal selidik. Interpretasi skor min dirumuskan seperti di dalam Jadual 3.2 di bawah.

**Jadual 3.2 Interpretasi skor min**

<b>Skor min</b>	<b>Interpretasi Persetujuan</b>
1.00 – 1.99	Sangat tidak setuju
2.00 – 2.99	Tidak setuju
3.00 – 3.99	Tidak pasti
4.00 – 4.99	Setuju
5.00	Sangat setuju

Daripada Jadual 3.2, skor min 1.00-1.99 menunjukkan tahap persetujuan sangat tidak setuju. Skor min 2.00-2.99 menunjukkan tahap persetujuan tidak setuju. Skor min 3.00-3.99 pula menggambarkan tahap persetujuan tidak pasti. Sementara skor min 4.00-4.99 menunjukkan tahap persetujuan yang setuju. Akhir sekali skor min 5.00 menunjukkan tahap persetujuan sangat setuju.

Bagi mengukur tahap orientasi dan motivasi responden di dalam pembelajaran BS skala orientasi dan motivasi dibentuk sebagai ukuran interpretasi orientasi dan motivasi pelajar di dalam pembelajaran BS. Skala tersebut dibentuk berdasarkan skor min dan ukuran interpretasi tahap orientasi dan motivasi responden dikelaskan sebagai positif atau negatif dan tinggi atau rendah. Petunjuk tahap orientasi dan motivasi di dalam pembelajaran BS ditunjukkan di dalam Jadual 3.3.

**Jadual 3.3 Petunjuk tahap orientasi dan motivasi responden berdasarkan skor min**

Skor min	Tahap orientasi	Tahap motivasi
1.00 – 3.00	Negatif	Rendah
3.01 – 5.00	Positif	Tinggi

Bagi merumuskan markah peperiksaan akhir responden, analisis min juga diaplikasikan. Jadual 3.4 menunjukkan interpretasi skor min dan tahap pencapaian bahasa responden.

**Jadual 3.4 Interpretasi skor min dan tahap pencapaian bahasa responden**

Markah	Gred	Skor Min	Tahap pencapaian bahasa
80-100	A	11.00	Tinggi/Cemerlang
60-79	B	7.00 - 10.99	Baik
47-59	C	4.00 - 9.99	Rendah
40-46	D	2.00 - 3.99	Lemah
39 atau kurang	F	1.00 - 1.99	Gagal

Responden yang memperolehi markah peperiksaan akhir semester dari 80-100, adalah tergolong dalam gred A. Skor min ialah 11.00 dan tahap pencapaian BS

responden dikatakan tinggi atau cemerlang.

Responden yang memiliki markah di antara 60-79 pula adalah dikelaskan sebagai gred B. Skor min ialah dari 7.00–10.99 dan tahap pencapaian bahasa responden diklasifikasikan baik.

Responden yang memperolehi gred C dan markah di antara 47-59 dikatakan memiliki tahap pencapaian BS yang rendah. Skor min mereka ialah dari 4.00-9.99.

Markah di antara 40-46 dikategorikan di dalam gred D dan skor min ialah di antara 2.00-3.99. Tahap pencapaian bahasa responden adalah lemah.

Responden dikatakan gagal memperolehi kemahiran BS yang dipelajari (gred F) sekiranya memperolehi markah 39 atau kurang dan skor min ialah di antara 1.00-1.99.

#### **4.0 Kesimpulan**

Bab ini menjelaskan bagaimana kaedah kajian ini akan dijalankan oleh pengkaji. Hasil daripada kajian ini akan dianalisis di dalam bab yang seterusnya di mana pengkaji merumuskan beberapa dapatan yang menjawab persoalan dan objektif kajian ini.